

HADIS PILIHAN

Khianat tanda kiamat

DARIPADA Abu Hurairah r.a. berkata: *Ketika Nabi SAW berada dalam satu majlis membicarakan suatu kaum, tiba-tiba datanglah seorang Arab Badwi lalu bertanya: "Bila datangnya hari kiamat?" Namun Nabi SAW tetap melanjutkan bicarannya. Sementara itu sebahagian sahabat ada yang berkata; "Baginda mendengar perkataannya akan tetapi Baginda tidak menyukai apa yang dikatakannya itu", dan ada pula sebahagian yang mengatakan; "Baginda tidak mendengar perkataannya." Hingga akhirnya Nabi SAW menyelesaikan bicarannya, seraya berkata: "Mana orang yang bertanya tentang hari kiamat tadi?" Orang itu berkata: "saya wahai Rasulullah!". Maka Nabi SAW bersabda: "Apabila sudah hilang amanah maka tunggulah terjadinya kiamat". Orang itu bertanya: "Bagaimana hilangnya amanah itu?" Nabi SAW menjawab: "Jika urusan diserahkan bukan kepada ahlinya, maka akan tunggulah terjadinya kiamat." - Riwat Bukhari (No: 57) Status: Hadis Sahih*

HURAIAN:

- Hari Kiamat adalah hari kemasuhan dan kehancuran pada alam
- Antara tanda kiamat akan berlaku apabila hilang sifat amanah dan khianat berleluasa
- Amanah itu adalah nilai keimanan. Bila hilang kejujuran, tergoda dengan habuan dunia, terlibat dengan penyelewengan dosa dan maksiat seperti rasuah, pecah amanah, salah guna kuasa maka akan lunturlah nilai keimanan
- Amanah hilang apabila urusan dan pentadbiran diserahkan kepada orang yang bukan ahli serta tidak layak apabila nilai keimanannya hilang
- Menurut ulama hadis, al-Munawi, dekatnya kiamat apabila menyerahkan urusan dalam hal amar (perintah) maaf dan nahi (larangan) mungkar kepada yang tidak amanah, rapuh agamanya, lemah Islamnya, dan mengakibatkan bermahrajalelanya kebodohan

Refleksi
al-quran

Oleh ABDULLAH BUKHARI
ABDUL RAHIM
AL-HAFIZ

Pensyarah di Jabatan Tilawah al-Quran, Pusat Bahasa, UIAM dan Timbalan Presiden Murshid.



PEMIMPIN yang baik adalah mereka yang bertanggungjawab terhadap amanah dan orang bawah pimpinannya. - GAMBAR HIASAN

Bermaruah seperti anak Nabi Yaakub a.s.

BUKAN salah si Ruwaybil, Yahuza atau Syam'un pun. Penahanan Bunyamin di Mesir dalam lawatan mereka kali kedua itu sudah menjadi takdir Allah. Mereka sudah merancang rapi untuk menjaga keselamatan Bunyamin sebagaimana janji kepada ayah mereka iaitu nabi Yaakub a.s., namun apakan daya Allah mukauan perkara lain berlaku:

Firman Allah erti: "Bapa mereka (Nabi Yaakub) berkata: "Aku tidak sesekali akan melepaskan dia (Bunyamin) pergi bersama-sama kamu, sehingga kamu memberi kepadaku satu perjanjian yang teguh (bersumpah) dengan nama Allah, bahawa kamu akan membawanya kembali kepadaku dengan selamat, kecuali jika kamu semua dikepong dan dikalahkan oleh musuh". Maka ketika mereka memberikan perjanjian yang teguh (bersumpah) kepadanya, dia berkata: "Allah jualah yang menjadi Saksi dan Pengawas atas apa yang kita semua katakan itu." (Yusuf 12:66).

Para ulama tafsir berselisih pendapat tentang siapa nama anak Nabi Yaakub antara Ruwaybil, Yahuza atau Syam'un. Walau bagaimanapun, antara mereka ada yang paling bijaksana dan didengar cakapnya sebagai 'ketua'. (*Tafsir al-Tabari, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Razi*)

Setelah Bunyamin ditahan di Mesir atas rencana penuh bijaksana Nabi Yusuf a.s., anak-anak nabi Yaakub yang lain mengundur diri. Sebelum mengundur diri mereka terlebih dahulu merayu agar Bunyamin dibebaskan, namun permintaan itu ditolak Nabi Yusuf.

Hal ini diceritakan dalam al-Quran erti: "Mereka merayu dengan berkata: "Wahai datuk menteri! Sesungguhnya dia (Bunyamin), punya bapa yang sudah tua, lagi berpangkat. Oleh itu, ambillah



WALAUPUN menemukan barang hilang dalam beg seseorang, elakkan daripada menuduh individu itu secara melulu. - GAMBAR HIASAN

seorang antara kami sebagai gantinya; sesungguhnya kami memandangmu daripada orang yang sentiasa berbudi." Yusuf berkata: "Kami berlindung kepada Allah daripada mengambil sesiapapun kecuali orang yang kami dapatti barang kami berada dalam simpanannya. Sesungguhnya jika kami mengambil orang lain, nescaya menjadilah kami orang zalim." (Yusuf 12:78-79).

Subhanallah! Memang halus sekali bahasa al-Quran dan Nabi Yusuf. Baginda tahu Bunyamin tidak mencuri. Oleh itu baginda berkata, 'orang yang kami dapatti barang kami berada dalam simpanannya' (hujung ayat).

Frasa ini menunjukkan Nabi Yusuf tidak menuduh Bunyamin mencuri sebaliknya barang yang hilang ditemui dalam karung Bunyamin. Boleh jadi seseorang meletakkannya di situ, namun ini tetap menjadi sebab Bunyamin perlu ditahan di Mesir.

Setelah gagal memujuk Nabi Yusuf, anak Nabi Yaakub yang lain pergi menyendiri sambil berbincang perihal nasib mereka. Firman Allah erti: "Maka apabila mereka berputus asa daripada mendapat pertolongannya, mereka pun mengasingkan diri lalu bermesyuarat tentang hal itu. Berkatalah ketua mereka (saudaranya yang paling berusia atau paling

bijaksana): "Tidakkah kamu ketahui bahawa bapa kita telah mengambil janji daripada kamu yang dikuatkan dengan nama Allah, dan dahulu pun kamu telah menculaikan janji dan sumpah kamu dalam perkara menjaga keselamatan Yusuf? Oleh itu, aku tidak sekali-kali akan meninggalkan negeri (Mesir) ini sehingga bapaku izinkan aku (kembali atau sehingga Allah menghukum bagiku (untuk meninggalkan negeri ini), dan Dia lah Hakim yang seadil-adilnya." (Yusuf 12:80).

■ Malu jika gagal

Perhatikan dialog penuh tanggungjawab si 'ketua' dalam kalangan anak Nabi Yaakub ini. Ketika berhadapan dengan krisis kepercayaan ayahanda mereka, si ketua begitu bertanggungjawab sehingga sanggup kekal di Mesir untuk memantau keadaan Bunyamin yang berada dalam tahanan.

Beliau juga malu untuk pulang ke Kan'an bertemu ayahanda mereka kerana gagal menjalankan tanggungjawab menjaga keselamatan

Bunyamin. Tambahan pula tanggungjawab itu bukan calang-calang kesannya. Ia sudah diikat dengan 'sumpah dan aku janji' yang menggunakan nama Allah sebagai Tuhan semesta alam.

Alangkah baiknya jika sikap

bertanggungjawab sebegini dimiliki oleh pemimpin negara Islam. Mereka yang dilantik rakyat melalui proses pilihanraya pastinya memegang aku janji serta sumpah setia untuk menjalankan tugas dengan amanah.

Apabila gagal atau tidak mampu menjalankan tugas dengan amanah, mereka sepatutnya segera berhenti dan memberikan laluan kepada yang lain. Malangnya, sesetengah pemimpin negara Islam begitu culas dan bersikap seperti 'pelepas pisang' seakan mereka adalah pemimpin lantikan Allah, hanya akan meninggalkan jawatan setelah disentap keras atau dipangkas dengan parang.

Ingatlah! Usahakan kita sebagai orang Islam biasa, nabi Daud a.s. pun diberikan amaran keras agar memimpin dengan adil dan saksama:

Sebagaimana firman Allah erti: "Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu." (Sad 38:26).

Lain pula halnya dengan sesetengah pemimpin bukan Islam. Mereka secara terbuka mengumumkan peletakan jawatan apabila gagal berkhidmat dengan adil dan amanah.

Nampaknya nilai murni Islam sudah berpindah ke negara bukan Islam, manakala sifat fasik pula semakin menebal pada hati sesetengah pemimpin yang mengaku beragama Islam. Ya Allah! Pada-Mu kami mohon perlindungan daripada para pemimpin fasik yang mampu menjahannamkan negara.

Rahsia haiwan Tahun Baharu Cina

ESOK masyarakat Cina seluruh dunia akan merayakan perayaan Tahun Baharu Cina. Walaupun perayaan ini saban tahun disambut, namun tiada siapa mengetahui tahun ini memasuki tahun ke berapa. Hal ini berbeza dengan tahun Masihi yang kini berada pada tahun 2019, begitu juga tahun hijrah iaitu 1,440 tahun.

Mengikut kepercayaan masyarakat Cina, terdapat 12 haiwan menjadi lambang setiap tahun mengikut giliran. Haiwan-haiwan tersebut mengikut susunan ialah tikus, lembu, harimau, arnab, naga, ular, kuda, kambing, monyet, ayam, anjing, dan yang terakhir ialah khinzir. Giliran haiwan dipilih pada tahun ini ialah khinzir.

Khzinir berasal daripada perkataan bahasa Arab. Hampir 90 peratus perkataan Arab terdiri daripada gabungan tiga huruf asas. Walau bagaimanapun, kalimah 'khinzir' boleh dikatakan agak

Arab

Oleh DR. ABU RAZAK
ABU CHIK

Penulis adalah pensyarah cemerlang B arab IPG Kampus Raja Melewar Seremban



berlainan daripada kebiasaan kerana ia daripada gabungan empat huruf iaitu kha, nun, zai dan ra. Gabungan ini disebut sebanyak lima kali dalam al-Quran.

Secara lebih terperinci, khinzir dalam bentuk kata nama umum sebanyak sekali iaitu dalam Surah al-An'am ayat ke-145. Manakala al-khzinir dalam bentuk kata nama khas sebanyak 3 kali iaitu dalam Surah al-Baqarah ayat ke-173, Surah al-Maidah ayat ke-3 dan Surah an-Nahl ayat ke-115. Seterusnya al-



MAJLIS Makan Besar menjadi tradisi kaum Cina bagi menyambut ketibaan perayaan Tahun Baharu Cina setiap tahun. — GAMBAR HIASAN

khanaazir dalam bentuk kata nama jamak disebut sekali iaitu dalam Surah al-Maidah ayat ke-60.

Banyak kajian moden pada hari ini membuktikan bahawa daging khinzir mempunyai kuman atau virus yang tidak boleh dihilangkan walaupun dipanaskan pada suhu tinggi.

Sehubungan itu, umat Islam disarankan membuat kajian ilmiah berkaitan khinzir demi untuk mendekatkan diri kepada Allah Yang Maha Pencipta.

Tahun Tikus

سَنَةُ الْقَارِبِ

Tahun Lembu

سَنَةُ الْبَقَرَةِ

Tahun Harimau

سَنَةُ النَّمِيرِ

Tahun Arnab

سَنَةُ الْأَرْنَبِ

Tahun Naga

سَنَةُ التِّنِينِ

Tahun Ular

سَنَةُ الشَّعْبَانِ

Tahun Kuda

سَنَةُ الْحِصَانِ

Tahun Kambing

سَنَةُ الْغَنِمِ

Tahun Monyet

سَنَةُ الْقِرْدِ

Tahun Ayam

سَنَةُ الدِّيْكِ

Tahun Anjing

سَنَةُ الْكَلْبِ

Tahun Khinzir

سَنَةُ الْخِنْزِيرِ

المُحادَثَةُ فِي يَوْمِ الْإِثْنَيْنِ

SIRI 760

هَيَّا نَدْرُسُ مَا يَتَعَلَّقُ
بِالْخِنْزِيرِ دراسةً عِلْمِيَّةً.

فَمَا يَنْبُغِي أَنْ تَقُولَ لِأَصْدِقَائِنَا؟

إِذْنُ، المائِدَةُ الْكَبِيرَةُ فِي هَذَا الْمَسَاءِ؟

طَبِّعًا، هَذَا صَحِيحٌ.

مَا الْحَيْوَانُ
الْمُخْتَارُ
لِهَذِهِ السَّنَةِ؟

هَذِهِ سَنَةُ الْخِنْزِيرِ
مِنْ مَنْظُورِ الشَّعْبِ الصَّиَّابِيِّ.

مَتَى يَسْتَقْبِلُ الشَّعْبُ الصَّيَّابِيُّ

بِاخْتِيَالِ السَّنَةِ الْجَدِيدَةِ يَا

أَخْيَيْ أَخْمَدِ مُبَارَكِ؟

غَدًا يَوْمُ الْثَّلَاثَاءِ يَا أَخْتِيْيْ نَهَيِّ.



L: Oleh itu, apa yang perlu kita katakan kepada rakan-rakan kita?

P: Marilah kita membuat kajian ilmiah tentang khinzir.

P: Jadi makan besar pada petang inilah?

L: Ya, betul tu.

P: Apakah haiwan pilihan untuk tahun ini?

L: Tahun ini tahun khinzir menurut bangsa Cina.



P: Bilakah bangsa Cina menyambut perayaan tahun baharu wahai saudara Ahmad Mubarak?

L: Esok hari Selasa wahai saudari Nuha.

International Blue Ocean Strategy (I-BOS) for Arabic 2019

Program 'Kuasai Bahasa Arab bererti Kuasai Ilmu'

| Tarikh | Hari | Masa | Tempat |
|----------------|----------------|---------------------------|---|
| 15&16 Feb 2019 | Jumaat & Sabtu | 8.30 pagi hingga 1 petang | SMKA Tok Bachok, Bachok Kelantan |
| 28 Feb 2019 | Khamis | 8.30 pagi hingga 1 petang | SMK Bukit Rambai Melaka |
| 2 Mac 2019 | Sabtu | 8.30 pagi hingga 1 petang | SMK Taman Tun Dr Ismail Jaya Shah Alam Selangor |
| 9 Mac 2019 | Sabtu | 8.30 pagi hingga 1 petang | SMKA Sultan Muhammad Batu Berendam Melaka |